

14/08/2000

Mat Taib tolak syor jadi MB

KUALA LUMPUR, Ahad - Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib menolak sebarang cadangan untuk kembali menerajui Selangor kerana mahu memberi peluang kepada muka baru.

"Saya anggap ramai berkelayakan di kalangan wakil rakyat yang ada. Tidak timbul soal kepemimpinan orang itu dan orang ini yang belum teruji. Beri mereka peluang, saya yakin mereka boleh.

"Saya dulu pun masih baru ketika dilantik sebagai Menteri Besar Selangor. Malah, (kepemimpinan) saya belum teruji (ketika itu)," katanya mengulas desas-desus terbaru kononnya beliau mungkin menjadi pilihan untuk kerusi Menteri Besar Selangor bagi meredakan ketegangan politik negeri itu.

Bagaimanapun, jika Muhammad menjadi pilihan, pilihan raya kecil terpaksa diadakan, langkah yang menurut pemerhati politik berisiko tinggi kerana pembangkang pasti memperbesarkan isu peletakan jawatan Abu Hassan.

Sumber lain pula berkata, jawatan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor yang disandang Abu Hassan sebelum ini kemungkinan diberi kepada Muhammad walaupun beliau mungkin bukan Menteri Besar.

Jumaat lalu, Badan Perhubungan Umno Selangor menyerahkan senarai 11 nama Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun), termasuk 10 yang menjadi ketua bahagian sebagai calon Menteri Besar, kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Akhbar hari ini melaporkan, tiga daripada 11 nama yang disenaraikan itu mempunyai peluang lebih cerah kerana dikatakan memiliki keperibadian bersih dan tidak ada skandal.

Mereka ialah Timbalan Menteri Besar, Datuk Dr Zainal Abidin Ahmad dan dua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco), Datuk Mohd Sharif Jajang dan Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahlan.

Muhammad berkata, tidak menjadi masalah bagi Dr Mahathir untuk memilih Menteri Besar baru daripada kalangan 11 orang itu.

(END)